

PROGRAM KERJASAMA UA / IPTS

UA :

Nama IPTS yang menjalankan Program Kerjasama	Nama Program (Peringkat dan Bidang)	Model Kerjasama	Tarikh Lulus LPU	Tempoh Perjanjian (MOU/ MOA)	Yuran Pengajaran (Setahun)	Tahun dimula kan di IPTS	Tahun dimulaka n di UA	Enrolmen Pelajar 2013/ 2014	Syarat Masuk (dengan ringkas)		Bilangan Tenaga Pengajar
									Bumi putra	Bukan Bumi	

LAMPIRAN B

**UNJURAN PENGAMBILAN, ENROLMEN DAN KELUARAN PELAJAR BAGI PROGRAM KERJASAMA UA/IPTS
PROGRAM KERJASAMA UA / IPTS**

IPTS :

BIL	Nama Program	2011			2012			2013			2014			2015		
		I	E	O	I	E	O	I	E	O	I	E	O	I	E	O

I – Intake

E – Enrolmen

O – Output

LAMPIRAN C

MAKLUMAT TENAGA PENGAJAR BAGI PROGRAM KERJASAMA UA-IPTS

IPTS :

BIL	NAMA	KELAYAKAN AKADEMIK	TARAF JAWATAN (TETAP/ KONTRAK/ SAMBILAN)	WARGANEGARA	TAHUN MULA BERKHIDMAT

CADANGAN PROGRAM KERJASAMA
UA DENGAN IPTS TEMPATAN

(Format ini dan Lampiran A hendaklah dilengkappkan oleh UA bagi setiap program kerjasama dengan setiap IPTS)

Bahagian I : Maklumat UA

1. Nama Universiti : _____

2. Rakan Kerjasama : _____

3. Ringkasan Program Kerjasama

4. Sistem kawalan kualiti ke atas :

i. Pengambilan Pelajar :

ii. Pengambilan Tenaga Pengajar IPTS :

iii. Kurikulum Program Kerjasama :

iv. Pengendalian Penilaian Akademik :

Bahagian II : Maklumat IPTS

1. Nama Institusi : _____

2. Tahun didaftar : _____ ditubuhkan _____

3. Alamat Institusi :

4. Hakmilik Institusi :

a) Nama dan Alamat Syarikat

b) Jenis modal :

i) Modal yang dibenar : _____
ii) Modal berbayar : _____

c) Ekuiti dan Peratusan

Ekuiti	Peratus
Ekuiti Bumiputra	
Ekuiti Bukan Bumiputra	
Ekuiti Asing	

5. Pemegang-Pemegang Saham :

Pemegang Saham	Warganegara	Peratus	Nilai Saham

6. Pengurus dan Keahlian Lembaga Pengarah Syarikat :

Nama	Warganegara	Profesyen

7. Maklumat Ketua Eksekutif :

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Warganegara	
Kelulusan Akademik & Profesional	
Pengalaman dalam bidang pendidikan	

8. Unjuran pelajar (*Sila nyatakan perancangan pengambilan, enrolmen dan keluaran pelajar mengikut tahun – seperti di Lampiran B*)
9. Tenaga Pengajar (*Sila senaraikan nama, kelayakan dan taraf jawatan tenaga pengajar – seperti di Lampiran C*)

i. **Penilaian**

Pencapaian akademik pelajar dinilai pada setiap semester dengan menggabungkan markah kerja kursus dan peperiksaan akhir.

ii. **Kerja Kursus**

Kerja kursus terdiri daripada tugasan, kuiz, ujian, amali / studio, dan kerja lapangan yang dikendalikan oleh IPTS dengan pengawasan IPTA.

iii. **Peperiksaan akhir**

Pengelolaan peperiksaan akhir, penyediaan kertas soalan percetakan dan pemeriksaan adalah tanggungjawab IPTA.

6.2.3 Keputusan Akademik

Keputusan pencapaian akademik pelajar bagi setiap semester hendaklah diproses dan disahkan oleh Senat IPTA. Urusan memaklumkan keputusan peperiksaan kepada pelajar adalah tanggungjawab IPTS.

6.3 PENGENDALIAN PROGRAM KERJASAMA

6.3.1 Kurikulum dan Sibilus

Kurikulum dan sibilus program pengajian IPTA hendaklah digunakan sepenuhnya oleh IPTS yang meliputi kursus teras universiti, fakulti, program dan kursus elektif.

6.3.2 Bahasa Pengantar

Bahasa Melayu hendaklah digunakan sebagai bahasa pengantar pengajian, kecuali memperolehi kelulusan Kementerian Pengajaran Tinggi untuk dikendalikan dalam Bahasa Inggeris.

6.3.3 Pembangunan Sahsiah Pelajar

Aktiviti pengajian hendaklah juga meliputi kegiatan ko-kurikulum, sukan dan sosial.

6.4 PENGANUGERAHAN DAN PENYAMPAIAN SIJIL

6.4.1 Penganugerahan

Penganugerahan adalah hak Senat IPTA.

6.4.2 Penyampaian Sijil

Majlis penyampaian Sijil hendaklah dikendalikan oleh IPTS selaras dengan status IPTA.

6.4.3 Transkrip Akademik

Transkrip akademik dikeluarkan oleh IPTA.

6.5 YURAN

6.5.1 Pengajian Pelajar

Penentuan yuran pengajian pelajar ditentukan oleh IPTS mengikut kadar yang munasabah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi.

6.5.2 Program Kerjasama

IPTA hendaklah mengenakan kadar yuran Program Kerjasama dan juga kos perkhidmatan yang berpatutan. Pembayaran yuran dan kos perkhidmatan Program Kerjasama dengan IPTA adalah mengikut kadar yang telah dipersetujui oleh IPTS.

7. KAWALAN MUTU

IPTA hendaklah menjalankan proses kawalan mutu Program Kerjasama di IPTS dengan menggunakan manual piawai prosidur operasi yang dibentuk. Kawalan mutu hendaklah meliputi perkara-perkara yang berikut:

7.1 Skim Peningkatan Pengajaran

Skim peningkatan pengajaran bagi tenaga pengajar IPTS hendaklah dirangka oleh IPTS berkenaan. Pada masa yang sama Program Pembangunan Tenaga Manusia yang meliputi tenaga pengajar dan juga bukan tenaga pengajar hendaklah dilaksanakan oleh IPTS berkenaan.

7.2 Program Penyelarasaran Pengajaran

Program penyelarasaran pengajaran hendaklah diadakan oleh IPTA untuk tenaga pengajar IPTS bagi tujuan penyeragaman.

7.3 Kemudahan Prasarana

IPTA hendaklah memastikan IPTS berkenaan terus menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh pelajar-pelajar. Kemudahan-kemudahan seperti makmal, komputer, perpustakaan, bilik kuliah dan perbincangan, serta peralatan mengajar hendaklah diurus dengan baik agar mampu menampung keperluan pelajar bagi kegunaan harian.

8. PERJANJIAN

8.1 Perjanjian persetujuan

Satu perjanjian persetujuan (MOA) hendaklah ditandatangani antara IPTA dan IPTS bagi memberar dan membolehkan IPTS manjalan program akademik IPTA setelah mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi.

8.2 Tempoh Kerjasama

Tempoh maksima kerjasama IPTA / IPTS menjalankan Program Kerjasama ini adalah selama lima tahun. Sekiranya kedua-dua pihak

bercadang untuk menyambung Program Kerjasama tersebut, ianya bolehlah diperbaharui dengan mengemukakan kembali kepada Kementerian Pengajian Tinggi sebelum tarikh lima tahun tersebut.

8.3 Penamatan Program Kerjasama

IPTA boleh menamatkan Program Kerjasama dengan IPTS daripada menjalankan Program berkenaan sekiranya IPTS tersebut gagal syarat yang ditetapkan. Kementerian Pengajian Tinggi juga boleh dalam keadaan tertentu menasihati IPTA / IPTS berkenaan dengan perlaksanaan program ini supaya ianya dapat memenafaatkan kedua-dua belah pihak.

9. MENGEUKAKAN PERMOHONAN

IPTA boleh mengemukakan permohonan untuk melaksanakan Program Kerjasama dengan IPTS setelah memenuhi semua keperluan yang terdapat di atas ke Jabatan Pengajian Tinggi untuk mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi.

10. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan mula berkuatkuasa pada Tarikh Perlembagaan baru dikuatkuasakan ke atas setiap IPTA.

11. PENUTUP

Garis Panduan ini diharap dapat mewujudkan Program Kerjasama diantara IPTA dan IPTS yang lebih mantap dan seterusnya menghasilkan program akademik yang berkualiti, pelajar yang bertanggungjawab dan peluang pendidikan yang lebih luas. Gabungan yang terbentuk melalui Program Kerjasama ini akan akan dapat meningkatkan lagi mutu pendidikan di negara ini sambil mengekalkan kredibiliti di IPTA dan IPTS di tahap yang lebih tinggi dalam usaha mencapai matlamat murni dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau tinggi.

GARIS PANDUAN

**PROGRAM KERJASAMA
IPTA / IPTS DI DALAM NEGARA**

1. TUJUAN

Tujuan garis panduan ini disediakan adalah :

- 1.1 Untuk memaklumkan kepada IPTA syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum keputusan dibuat oleh IPTA untuk menjalankan Program Kerjasama dengan mana-mana IPTS ; dan
- 1.2 Untuk menjadi panduan kepada IPTA dalam penyediaan permohonan bagi meleksanakan Program Kerjasama kepada Kementerian Pengajian Tinggi.

2. DEFINASI

- 2.1 Definasi Program Kerjasama adalah seperti berikut ;

Program Kerjasama IPTA / IPTS merupakan suatu kaedah membenarkan IPTS menawarkan program akademik IPTA di premis mereka.

3. PERATURAN AM

- 3.1 Garis panduan hendaklah digunakan oleh semua IPTA yang hendak menjalankan sebarang Program Kerjasama dengan mana-mana IPTS yang telah diiktirafkan.
- 3.2 Program akademik yang akan diberi keutamaan adalah diperingkat Diploma, manakala bagi peringkat ijazah pula hanya program-program tertentu sahaja yang boleh dilaksanakan setelah mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi.
- 3.3 Bagi program ijazah IPTA ianya hendaklah merupakan program yang telah mantap iaitu program yang telah menghasilkan sekurang-kurangnya kumpulan pertama graduan.
- 3.4 Program Kerjasama yang hendak dijalankan mestilah mencapai standard minima seperti yang telah ditetapkan oleh MQA bagi program pengajian yang ditawarkan.
- 3.5 Pengendalian Program Kerjasama hendaklah dikawalselia oleh unit khas yang diwujudkan di IPTA.
- 3.6 Setiap permohonan untuk Program Kerjasama hendaklah berpandukan kepada format yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.
- 3.7 Garis Panduan ini hanya terpakai bagi Program Kerjasama diantara IPTA dengan IPTS di dalam negara sahaja.

4. SYARAT-SYARAT ASAS

- 4.1 Seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 9 Perlembagaan universiti dan Akta ITM, IPTA perlu mendapatkan kelulusan Menteri Pengajian Tinggi sebelum menjalankan program kerjasama.
- 4.2 Sebarang Program Kerjasama yang hendak dijalankan mestilah telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Universiti sebelum permohonan dikemukakan ke Kementerian Pengajian Tinggi.
- 4.3 IPTA hendaklah menentukan IPTS yang hendak dijadikan rakan kongsi mestilah diluluskan penubuhan dan pendaftarannya.

5. VALIDASI PROGRAM

- 5.1 IPTA hendaklah mempunyai sistem validasi terhadap sebarang Program Kerjasama yang hendak dijalankan. Program validasi hendaklah dibuat oleh IPTA sebelum permohonan Program Kerjasama dikemukakan ke Kementerian Pengajian Tinggi. Sistem validasi yang dibentuk hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut :

5.1.1 Kemudahan Prasarana

IPTA hendaklah mempastikan IPTS tersebut mempunyai kampus yang sesuai. Kemudahan yang disediakan hendaklah memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. IPTS juga hendaklah mempunyai keupayaan untuk menyediakan kemudahan bilik pengajaran, perpustakaan, makmal, bengkel dan peralatan yang sesuai dan mencukupi untuk setiap program pengajaran.

5.1.2 Tenaga Pengajar

IPTA hendaklah menentukan IPTS tersebut menyediakan tenaga pengajar yang berkelayakan dengan secukupnya. Setiap tenaga pengajar mestilah mempunyai kelayakan yang lebih tinggi daripada peringkat program pengajaran yang ditawarkan dan diperoleh dari universiti yang diiktiraf.

5.1.3 Kedudukan Kewangan dan Perancangan

IPTA perlu menentukan IPTS berkenaan mempunyai kemampuan kewangan yang kukuh untuk menjalankan program akademik dan IPTS berkenaan dimiliki sekurang-kurangnya 30 % oleh Bumiputra. Pelan bisnes perjalanan akademik IPTS berkenaan hendaklah disertakan dan perlu menunjukkan perancangan masa depan yang teratur dalam penyusunan aktiviti akademik dan pembinaan infrastruktur.

6. SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN KERJASAMA

Didalam melaksanakan Program Kerjasama ini IPTA hendaklah memastikan IPTS mematuhi syarat-syarat berikut :

6.1 PENGAMBILAN DAN PENDAFTARAN PELAJAR

6.1.1 Pengambilan Pelajar

i. **Syarat Kemasukan**

Kelayakan masuk adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dan digunakan oleh IPTA.

ii. **Proses Pengambilan**

IPTS bertanggungjawab ke atas segala urusan pemilihan dan pengambilan pelajar mengikut kriteria yang ditetapkan oleh IPTA. Penawaran rasmi hanya dibuat oleh IPTS setelah mendapat kelulusan dari Naib Canselor / Rektor IPTA berkenaan.

iii. **Pengiklanan**

Pengiklanan pengambilan pelajar untuk Program Kerjasama mestilah mendapat kelulusan bersama IPTA berkenaan dan juga Jabatan Pendidikan Swasta Kementerian Pengajian Tinggi.

iv. **Kuota Pengambilan Pelajar**

- a) Pengambilan pelajar hendaklah mencerminkan komposisi kaum yang munasabah. Kuota Pelajar Bumiputra mestilah tidak kurang dari 30 %.
- b) Dasar mengenai kuota pengambilan pelajar asing adalah ditentukan mengikut dasar yang terpakai di Kementerian Pengajian Tinggi.

6.1.2 Pendaftaran Pelajar

Hal ehwal pentadbiran rekod kemasukan, pendaftaran kursus pengajian dan pendaftaran mata pelajaran pelajar diuruskan oleh IPTS selaras dengan peraturan dan sistem IPTA.

6.1.3 Status Pelajar

Pelajar yang mengikuti pengajian di bawah Program Kerjasama adalah pelajar IPTS.

6.2 SISTEM AKADEMIK

Sistem akademik yang digunakan oleh IPTS adalah berdasarkan kepada Sistem Semester yang diamalkan di IPTA berkenaan.

6.2.1 Peraturan Akademik

Peraturan Akademik dan Peraturan Peperiksaan program pengajian IPTA digunakan.

6.2.2 Sistem Penilaian